

GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN SKIM PEMBIAYAAN PERKASA TVET 2022
(PERKASA TVET 1.0)
OLEH PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN,
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

1 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada **Penyedia Latihan Awam (PLA)** dan **Penyedia Latihan Swasta (PLS)** serta pelatih kemahiran yang berminat untuk menyertai program latihan kemahiran dibawah Skim Pembiayaan **PERKASA TVET 2022 (PERKASA TVET 1.0)**.

2 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan Malaysia dan menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi pada masa depan dengan melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir.
- 2.2 Untuk itu, pelaksanaan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) perlu berasaskan keperluan industri menjadi fokus utama PTPK di dalam Pengurusan Dana Latihan Kemahiran.
- 2.3 Dalam mengharungi cabaran ekonomi yang semakin sukar akibat daripada penularan wabak COVID-19. Pelbagai sektor dan industri di seluruh negara telah terjejas secara langsung dan tidak langsung.
- 2.4 Menyedari situasi yang melanda negara, PTPK telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan skim pembiayaan Skim **PERKASA TVET 2022 (PERKASA TVET 1.0)** yang mana matlamat utama Skim ini akan memberikan peluang pelatih mendapatkan kemahiran yang menjurus kepada penempatan pekerjaan.

3 TAFSIRAN

- 3.1 **Pelatih** – Seseorang yang menerima latihan latihan kemahiran daripada penyedia latihan kemahiran dan sedang bekerja serta berstatus tetap.
- 3.2 **Penyedia Latihan Awam (PLA)** – PLA institut latihan yang dikendalikan oleh badan kerajaan/Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri (PPKN) yang berdaftar dengan PTPK dan diluluskan untuk menjalankan pelaksanaan Skim Pembiayaan PERKASA TVET 2022.
- 3.3 **Penyedia Latihan Swasta (PLS)** – PLS institut latihan yang dikendalikan oleh badan bukan kerajaan yang berdaftar dengan PTPK dan diluluskan untuk menjalankan pelaksanaan Skim Pembiayaan PERKASA TVET 2022.
- 3.4 **Program Latihan** – Suatu program latihan kemahiran yang dijalankan di Malaysia yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan diluluskan oleh PTPK di bawah Seksyen 44 Akta 640.
- 3.5 **Jawatankuasa** – Jawatankuasa Induk Pendaftaran Penyedia Latihan (JIPPL) yang diwujudkan di bawah bidang kuasa Lembaga Pengarah PTPK yang berfungsi untuk melaksanakan saringan dan kelulusan *Request For Proposal* (RFP) Skim Pembiayaan PERKASA TVET 2022.
- 3.6 **Tempoh Latihan** – Tempoh pelaksanaan Skim Pembiayaan PERKASA TVET 2022 seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa pada tahun 2022.
- 3.7 **Urus setia** – Bahagian Pengurusan Penyedia Latihan dan Pembiayaan (BPPL&P).

4 KUMPULAN SASARAN PROGRAM

Terdiri dari mana-mana kumpulan sasar seperti berikut;

- i. Terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang **berumur 16 hingga 45 tahun** pada tahun permohonan; dan
- ii. Mana-mana orang yang memerlukan pekerjaan beserta latihan melalui konsep **Place and Train**.

5 KRITERIA KELAYAKAN PENYEDIA LATIHAN

- 5.1 PLA/ PLS yang berdaftar dengan PTPK adalah layak memohon.
- 5.2 Program yang dijalankan hendaklah ditaliahkan oleh JPK berdasarkan syarat-syarat yang sedang berkuat kuasa.
- 5.3 Program latihan yang dimohon hendaklah memenuhi Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS).
- 5.4 PLA / PLS perlu menjalankan digalakkan mempunyai kerjasama dengan pihak industri dalam menghasilkan tenaga kerja mahir berdasarkan keperluan semasa industri.
- 5.5 PLA / PLS hendaklah mengemukakan Kertas Cadangan/*Request For Proposal* (RFP) melalui platform <http://www.upskillmalaysia.gov.my> bermula pada 1 Januari 2022 dan tarikh tutup pada 30 Jun 2022 jam 12.00 tengah hari.
 - a) Format Kertas Cadangan – **Lampiran A**;
 - b) Ringkasan Eksekutif Permohonan – **Lampiran B**;
 - c) **Letter of Commitment** (LOC) / **Letter of Agreement** (LOA) / **Memorandum of Agreement** (MOA) antara PLA / PLS dan Syarikat/ Industri.

- 5.6 PLA / PLS boleh mengemukakan Kertas Cadangan/ RFP berserta dokumen berkaitan di alamat Peti Dokumen, Aras 16, PTPK atau e-mel perkasatvet@ptpk.gov.my. Permohonan dibuka sepanjang tempoh sehingga 30 Jun 2022 atau sehingga peruntukan diagihkan sepenuhnya.

6 PROGRAM YANG DICADANGKAN

- 6.1 Program latihan kemahiran jangka pendek (kurang daripada 6 bulan) sama ada persijilan penuh atau *modular* atau *customized* atau Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) bergantung kepada permintaan majikan / industri di bawah Persijilan Kemahiran Malaysia (PKM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).
- 6.2 PLA / PLS juga digalakkan untuk menawarkan kursus latihan secara ‘added value’ bagi keperluan pekerjaan /industri.
- 6.3 Program boleh dilaksanakan secara hibrid di mana pembelajaran adalah secara kombinasi iaitu secara bersemuka (dalam kelas) dan juga secara dalam talian (*virtual*).
- 6.4 Pelatih diberikan pekerjaan/ mendapat pekerjaan terlebih dahulu di Syarikat/ Industri dan menjalani latihan di PLA / PLS berdasarkan kepada konsep ***Place and Train***.
- 6.5 Program dijalankan bermula pada tahun 2022.
- 6.6 PLA/PLS boleh menjalankan latihan kemahiran secara sepenuh masa atau separuh masa.

7 AMAUN PEMBIAYAAN

- 7.1 Kadar pembiayaan mengikut kadar yuran semasa yang telah diluluskan oleh PTPK.

7.2 Elemen kadar pembiayaan adalah:

- i. Yuran Latihan (para 6.1)
- ii. Program tambah nilai (para 6.2); dan
- iii. Kos Sara Hidup (KSH);

7.3 Bayaran Pembiayaan tertakluk kepada program sepenuh masa dan kelulusan JPK akan dibayar berdasarkan tatacara pembayaran semasa yang berkuat kuasa.

8 MEKANISME DAN KAEDEAH PELAKSANAAN PROGRAM

8.1 Permohonan pembiayaan Skim Perkasa TVET 1.0 akan melalui proses tatacara permohonan seperti Buku Panduan dan Prosedur Permohonan dan Tuntutan Bayaran Program latihan Kemahiran Skim Pembiayaan Perkasa TVET 2022 (Perkasa TVET 1.0).

8.2 Setiap permohonan latihan yang dijalankan boleh dibayar setelah:-

- i) Pelajar mendapat penempatan pekerjaan / kenaikan pangkat / peningkatan kerjaya; dan
- ii) Telah memulakan latihan.

8.3 Pemantauan dan laporan;

- i. Pemantauan atau proses pengesahan pelatih akan dilakukan secara rawak sama ada sebelum, semasa atau selepas latihan dijalankan; dan
- ii. Laporan pemantauan pelaksanaan latihan yang dijalankan adalah bertujuan untuk menilai keberkesanan latihan dan pematuhan kepada perjanjian yang ditandatangani.

- 8.4 Pelatih perlu untuk menamatkan latihan yang diikuti dan sekiranya gagal, pelatih perlu membayar ganti rugi kepada PTPK sejumlah wang tidak melebihi RM5,000.00.
- 8.5 Pelatih yang gagal menamatkan latihan atas apa-apa sebab-sebab perlu mengemukakan borang Pembatalan Pinjaman Latihan Kemahiran/ Bantuan Kewangan (Batal baki) berserta sesalinan dokumen berkaitan kepada PTPK.

9 TANGGUNGJAWAB PENYEDIA LATIHAN

- 9.1 Tanggungjawab PLA/ PLS yang berjaya mendapat kelulusan peruntukan adalah seperti berikut:
- i. Menggunakan peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan untuk program yang telah diluluskan sahaja dan tidak boleh menggunakan peruntukan tersebut bagi tujuan meraih keuntungan dan kepentingan lain PLA/ PLS;
 - ii. Melaksanakan program latihan yang telah diluluskan;
 - iii. Mengemukakan Laporan dan Ringkasan Keberkesanan Kursus Pelatih tiga (3) bulan setelah pelatih menamatkan latihan;
 - iv. Mengoptimumkan penggunaan kemudahan latihan yang disediakan di PLA/ PLS;
 - v. Memantau pelaksanaan program dari semasa ke semasa sehingga program tamat;
 - vi. PLA / PLS perlu mengembalikan yuran yang tidak layak diterima sekiranya pelatih tidak menamatkan latihan atas sebab yang tidak munasabah.
 - vii. Mana-mana PLA / PLS yang tidak dapat memenuhi syarat-syarat program yang telah ditetapkan, hendaklah memulangkan semula jumlah yuran yang tidak layak diterima kepada PTPK sekiranya PLA / PLS menutup operasi.
 - viii. PLA / PLS hendaklah memulangkan semula apa-apa jumlah yang diterima secara terkhilaf atau terlebih bayar kepada PTPK dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh bayaran diterima.

10 TATACARA PEMBAYARAN

- 10.1 Polisi Pembayaran Pembiayaan sedia ada yang sedang berkuat kuasa.
- 10.2 Status pentauliahan dan pendaftaran Penyedia Latihan (Pusat Bertauliah) & program dengan JPK serta PTPK masih sah dan lulus.
- 10.3 Sekiranya tiada tuntutan daripada PLA/ PLS selepas empat (4) bulan pelatih menamatkan latihan, PTPK berhak untuk tidak membayar dan kelulusan pembayaran adalah terbatal.

11 PENGECUALIAN

Bagi kes-kes tertentu yang memerlukan pengecualian daripada syarat-syarat di atas hendaklah dirujuk dan mendapat kelulusan daripada Ketua Eksekutif PTPK.

12 TARIKH KUAT KUASA

- 12.1 Tarikh kuat kuasa program bermula pada 1 Januari 2022.
- 12.2 Sebarang pertanyaan mengenai garis panduan ini hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Penyedia Latihan & Pembiayaan (BPPL&P) melalui e-mel perkasatvet@ptpk.gov.my.

Bahagian Pengurusan Penyedia Latihan & Pembiayaan (BPPL&P)
Perbadanan Tabung pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

LAMPIRAN A

Format Kertas Cadangan

FORMAT KERTAS CADANGAN

- 1. Latar Belakang Cadangan**
 - 1.1. Konsep Cadangan**
 - 1.2. Justifikasi Cadangan**
 - 1.3. Lain-lain Maklumat Yang Difikirkan Perlu**
- 2. Maklumat Penyedia Latihan (PL)**
 - 2.1. Maklumat Latar Belakang PL**
 - 2.2. Maklumat Status Kewangan**
 - 2.3. Lain-lain Maklumat Yang Difikirkan Perlu**
- 3. Cadangan Kursus Latihan**
 - 3.1. Latar Belakang Keperluan Kursus**
 - 3.2. Tajuk Kursus Latihan Kemahiran**
 - 3.3. Tempoh Kursus Latihan Kemahiran**
 - 3.4. Pentauliahan Jabatan Pembangunan Kemahiran**
 - 3.5. Lain-lain Maklumat Yang Difikirkan Perlu**
- 4. Kumpulan Sasaran**
 - 4.1. Justifikasi kumpulan sasaran**
 - 4.2. Kumpulan Sasaran Pelatih Yang Dipilih**
 - 4.3. Lain-lain Maklumat Yang Difikirkan Perlu**
- 5. Implikasi Kewangan (Kos Latihan)**
 - 5.1. Perincian Implikasi Kewangan**
 - 5.2. Lain-lain Maklumat Yang Difikirkan Perlu**
- 6. Rumusan**



PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

LAMPIRAN B

Ringkasan Eksekutif Permohonan
